

Semua
Ketua Jabatan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KAEDAH BARU PELAKSANAAN PEMBAHARUAN KONTRAK PERKHIDMATAN KAKITANGAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan pembaharuan kontrak perkhidmatan kakitangan tidak akan dilaksanakan secara automatik seperti yang telah dilakukan sebelum ini. Ini adalah disebabkan peruntukan kewangan OS29000 HCTM yang semakin meruncing, dan secara prinsipnya pihak Pengurusan HCTM bersetuju akan menggunakan kaedah yang diamalkan oleh pihak UKM, Bangi.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jawatankuasa Pembaharuan Kontrak Perkhidmatan Kakitangan telah memutuskan bahawa semua kakitangan kontrak yang akan tamat tempoh perkhidmatan perlu melengkapkan **Borang Laporan Nilai Kerja Kakitangan (PPUKM/JKIK/JSM/B24)** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://www.ppukm.ukm.my/bsmkkkl/muat-turun-2/> dan menyediakan senarai tugas beserta justifikasi seperti yang dilampirkan.

4. Untuk makluman Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, pihak Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar (Kampus Kuala Lumpur) **tidak akan menghantar** surat peringatan kepada pihak jabatan untuk tujuan pembaharuan kontrak kakitangan seperti yang diamalkan sebelum ini. Pihak Jabatan diminta memantau dan sentiasa peka mengenai tarikh tamat kontrak kakitangan yang ada di jabatan. Berikut adalah jadual mengemukakan permohonan pembaharuan kontrak kakitangan:

Tarikh Tamat Perkhidmatan Kontrak	Tempoh Mengemukakan Borang Pembaharuan Kontrak ke Bahagian Sumber Manusia, Jab. Pendaftar (KKL)
01 Januari 2019 hingga 30 April 2019	Telah selesai
01 Mei 2019 hingga 31 Ogos 2019	Telah selesai
01 September 2019 hingga 31 Disember 2019	Pada atau sebelum 03 Jun 2019

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR KAMPUS KUALA LUMPUR


Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak 56000 Cheras Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon: +603 – 9145 5151(Kaunter), 6454/5165 (Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat), 7914/6119 (Unit Latihan dan Perkembangan Kerjaya)
6126/7225 (Unit Pentadbiran Dalaman), 5159/5163 (Unit Elaun, Saraan dan Prestasi), 5160/5135 (Unit Gaji)

5. Sekiranya pihak Bahagian Sumber Manusia tidak menerima sebarang permohonan pembaharuan daripada Jabatan, pihak kami beranggapan tiada keperluan jawatan tersebut di Jabatan dan kontrak kakitangan tersebut tidak akan diperbaharui dan akan ditamatkan.

6. Sukacita Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan untuk makluman dan tindakan selanjutnya. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



NADIA NOORAWAL

Ketua

Bahagian Sumber Manusia

Jabatan Pendaftar

(Kampus Kuala Lumpur)

s.k. - Pengarah
 Hospital Canselor Tuanku Muhriz

 - Timbalan Pengarah (Pentadbiran)
 Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Lampiran A: Senarai tugas beserta justifikasi

[illegible]